

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

SHASSIC DAY PERTAMA MERAIKAN PENCAPAIAN 40 KONTRAKTOR DALAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Pelancaran CIS 27:2019 memberi fokus kepada spesifikasi dan senarai kuantiti (BQ) dalam melaksanakan program keselamatan

Kuala Lumpur, 25 FEBRUARI 2020: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah mengiktiraf 40 kontraktor atas pencapaian taraf 5 bintang dalam penilaian *Safety And Health Assessment System In Construction* (SHASSIC) bersempena dengan SHASSIC Day yang dianjurkan buat julung kalinya hari ini.

SHASSIC Day dianjurkan untuk memberi pengiktirafan kepada penggiat industri pembinaan yang berpencapaian tinggi dalam amalan keselamatan dan kesihatan.

Program SHASSIC ini adalah selaras dengan matlamat yang digariskan dalam teras strategik Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan 2016-2020 (CITP), yang menggariskan langkah-langkah untuk meningkatkan amalan keselamatan di tapak binaan. Ini bagi mencapai sasaran mengurangkan bilangan kemalangan dan kematian di tapak binaan sebanyak 10% setiap tahun bermula dari 2021 dengan berdasarkan statistik 2020.

“Kadar kematian di dalam industri pembinaan Malaysia adalah 13.44 kematian bagi setiap 100,000 pekerja pembinaan. Kadar kematian pekerja di dalam industri pembinaan adalah yang tertinggi berbanding industri lain di negara ini. Usaha untuk mengubah statistik ini tidak hanya terletak di bawah satu pihak atau agensi. Malah, pelbagai pihak berkuasa, klien atau pemilik projek, perunding, majikan serta pekerja sendiri perlu memainkan peranan masing-masing dalam memastikan persekitaran tapak pembinaan selamat dan sihat,” kata **Dato’ Ir. Dr. Meor Abdul Aziz Bin Osman, Pengurus CIDB Malaysia** semasa merasmikan SHASSIC Day.

Turut hadir ialah **Datuk' Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia** dan timbalannya **Datuk Ir. Elias Ismail**.

SHASSIC diperkenalkan pada tahun 2008 melalui kerjasama CIDB dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (DOSH), Jabatan Kerja Raya (JKR), Master Builders Association Malaysia (MBAM) dan lain-lain.

SHASSIC adalah sistem penilaian prestasi keselamatan dan kesihatan atau *Occupational Safety and Health* (OSH) kontraktor dalam sesbuah projek ataupun aktiviti pembinaan. Dengan SHASSIC, prestasi OSH dalam industri pembinaan Malaysia boleh dinilai dengan objektif dan ditanda aras dengan sistem yang standard.

"Berpandukan skor SHASSIC, penggiat industri boleh mengenal pasti tahap amalan OSH mereka. Bagi membantu penggiat industri menambah baik amalan OSH, beberapa latihan khusus atau tindakan pembetulan boleh diaturkan bagi membantu kontraktor dan pekerja mereka memperbaiki pengurusan keselamatan dan kesihatan di tapak bina. Melalui usaha ini, adalah diharapkan kes-kes kemalangan dalam pembinaan boleh dikurangkan dan kualiti serta kesejahteraan sumber manusia yang bekerja dalam industri ini dapat dipertingkatkan," kata **Datuk' Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia**.

Sempena anjuran majlis ini, Menteri Kerja Raya turut melancarkan *Standard Industri Pembinaan (CIS) 27:2019 Occupational Safety And Health – Specification And Bill Of Quantities (BQ) For Construction Works*.

Standard ini memperincikan keperluan OSH yang mencukupi, dan perlu diambil kira di dalam meletakkan kos perlaksanaan sesuatu projek. Ini dapat memastikan sesuatu projek mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi menguruskan OSH di tapak bina. Jika peruntukan OSH ini **tidak** diletakkan di dalam *Bill of Quantities (BQ)*, maka syarikat-syarikat yang meletakkan kos perlaksanaan OSH sememangnya akan kalah di dalam tender kerana harga yang mereka tawarkan akan lebih tinggi berbanding syarikat yang tidak meletakkan kos perlaksanaan OSH semasa membida tender sesuatu projek.

Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, CIS 27:2019 boleh digunakan oleh pihak klien atau pemilik projek sebagai rujukan untuk meletakkan peruntukan khas bagi perlaksanaan OSH di dalam projek mereka. Ini bagi memastikan semua kontraktor yang melaksanakan projek pembinaan mempunyai peruntukan yang cukup bagi perlaksanaan OSH di tapak bina, mematuhi keperluan undang-undang dan amalan baik dan seterusnya dapat mengurangkan kadar kemalangan di tapak bina.

“Saya percaya perlaksanaan SHASSIC dan penggunaan CIS 27:2019 ini dalam jangkamasa panjang akan dapat menerapkan budaya kualiti, keselamatan dan profesionalisme di dalam industri pembinaan, selaras dengan aspirasi Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP),” kata **Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz**.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web CIDB Malaysia di www.cidb.gov.my.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
